

07/11/2001

Idea, sasterawan serta kemahiran menulis

Azman Hussin

PLATO, pemikir Yunani, menakwil: sasterawan tarafnya lebih rendah dari tukang kayu.

Benarkah?

Idea ini mungkin sudah klise dibahaskan pelbagai penulis dan orang terdahulu. Saya kerap mempersoalkan karya kreatif Malaysia sukar difahami, syok sendiri, dan pelbagai label negatif lagi. Kali ini saya mahu menguak satu perspektif lain, iaitu skop kemahiran menulis dan kebijaksanaan idea.

Seperti dikatakan Faisal Tehrani secara lisan, sebagaimana saya sendiri, beliau memang selektif dalam pembacaan. Terlalu banyak membaca karya kreatif Malaysia, khasnya karya generasi baru, kita jadi skeptikal. Terkena banyak kali, saya jadi fobia membaca karya penulis tertentu. Terfikir juga, lebih baik jangan rosakkan fikiran.

Macam-macam bermain di fikiran. Adakah karya tersebut hanya permainan bahasa? Adakah ia hanya kutipan demi kutipan kata atau frasa yang difikir indah, lalu digubah jadi cerpen atau sajak? Dikutip bahasa dari kamus klasik/modern, dicampur fikiran sasau, dan diambil sebuah plot cerita, lalu jadilah sebuah cerpen.

Ini benar, pernah dinyatakan seorang penulis terkenal. Apabila ditanya bagaimana menulis cerpen, katanya: ambil bahasa pelik sikit, ada cerita, itu sudah boleh dipanggil cerpen.

Faisal merujuk saya contoh sebuah cerpen dalam sebuah majalah sastera tanahair edisi terkini, dan menyatakan sedikit rasa tidak puas hatinya. Beliau prejudis, adakah karya sastera/seni hanya mainan bahasa? Beliau terpaksa membelek kamus demi memahaminya. Ini memanglah membosankan, bagi saya.

Yang utama mahu saya bahaskan di sini, kemahiran berkarya.

Seorang buta berjawatan tetap dan berpencen sebagai peminta sedekah, setiap hari menggunakan tangan untuk mengetahui nilai duit kertas diterimanya. Dia dapat membezakan nilai duit kertas sama ada satu, dua, lima, sepuluh atau lima puluh ringgit, hanya dengan merabanya. Kita tak dapat menipunya. Kenapa? Alah bisa tegal biasa. Kebiasaan menjadikan dia mengecamnya dengan tepat.

Seorang pengukir terkenal, jika tiba-tiba buta, saya yakin, dia tetap boleh mengukir akhirnya kerana sudah biasa mengukir ketika celik. Tanpa penglihatan pun, dia boleh mengukir. Tangannya biasa, cekap dan sudah diprogram melakukan kerja mengukir.

Cuba bayangkan ini pula: seorang penulis prolifik dan kecanduan membaca serta menulis, apa hasilnya? Dia akan dapat menghasilkan karya yang boleh diterima umum sebagai karya sastera.

Barangkali tulisannya itu sekadar kutipan dan pembauran kata yang resap dalam fikiran ketika proses membaca terjadi, kemudian terbit sewaktu menulis secara bawah sedar. Malahan, mungkin juga dia sendiri tidak memahami apa yang ditulisnya. Maksudnya, ia barangkali tiada apa erti, kerana dogma dalam dunia sastera memang begitu, iaitu sastera mesti agak sukar dimengerti, ada metafora, imej, simili, bahasanya indah, dan ia tentunya berbeza dengan tulisan non-kreatif yang jelas mesejnya. Memanglah ada petikan ayat cerpen itu membawa maksud tertentu, tetapi ia tidak konsisten, bercempera, lalu apa gunanya!

Manusia mengenali sifat manusia lain, kata Thomas Hobbes, dengan cuba membandingkan perwatakan dirinya sendiri. Kata orang Kelantan kemacar, ilmu tafsir. Suatu masa dulu, ketika zaman jahiliah alam sastera saya,

begitulah juga saya. Menulis apa saja tanpa maksud. Kerana itulah saya berani menyatakan hujah dan kebarangkalian ini.

Manusia dikatakan hidup atas kejahilan manusia lain. Untuk naik ke atas, kita terpaksa memijak orang di bawah. Seperti dalam ekosistem alam - padi dimakan tikus, tikus makanan helang, kemudian seterusnya hingga berkitar. Misalnya, seorang penulis boleh menipu pembaca dengan menulis karya merepek. Dia tidak akan dipersoalkan, kerana karya sastera diterima dogma umum bersifat sukar dimengerti.

Saya yakin, di Malaysia, ramai penulis hidup atas kejahilan masyarakat, ditambah pula situasi zaman yang terlalu sibuk dan manusia tiada masa untuk mengkaji, menyoal dan berfikir mengenai sastera. Dan yang membantu ramai penulis ini adalah sarjana sastera palsu. Sasterawan jenis ini dibangunkan imejnya secara sedar atau tidak oleh sarjana dan pengkritik sastera.

Ramai orang di Malaysia mengenali wajah tokoh sastera, tapi tidak mengenali karya apatah lagi idea mereka. Seperti pernah saya dengar, mereka menakwil: baca dua muka surat, aku tak faham; memang karya sastera begini kot! Masyarakat terus didogmai bahawa mereka sasterawan besar. Ini boleh dikiasikan begini: mereka memuja api, tapi tidak tahu apa gunanya api. Lalu sasterawan tadi terus membesar namanya, hingga tiada siapa mempersoalkan sumbangannya pada masyarakat. Dia sudah jadi tokong hidup!.

Dogma atau taklid bersifat menjumudkan fikiran masyarakat, mengeruhkan pemikiran, dan ini bertentangan malah bersalahandengan prinsip kebijaksanaan akal, iaitu bertanya, menyoal, mempertikai, dan bukannya taklid buta atau takut menyoal. Masyarakat jadi penakjub dan pengkagum membuta tuli, walhal sifat ini lebih mengarah kepada kejahilan akal.

Haiwan, contohnya anjing, menurut BF Skinner, boleh dilatih melalui kebiasaan. Dan ini memang benar. Beruk, gajah, kuda, ikan lumba-lumba sudah dibuktikan boleh berlakon filem. Lalu, tidak salahlah ungkapan Plato tadi, sasterawan lebih rendah tarafnya dari tukang kayu.

Satu lagi kejahilan masyarakat yang dieksploitasi tanpa sedar, adalah dalam dunia seni lukis. Oleh kerana takjubkan sesebuah lukisan yang realistik gambarannya, khalayak sanggup membayar berapa harga sekalipun. Lukisan abstrak, juga begitu. Mujurlah, si mangsa selalunya manusia berstatus tinggi, dan duit bukan masalah besar. Dan maaf, memang ada lukisan, sebagaimana sastera, yang berfaedah. Berfaedah maksudnya, ia paling tidaknya mengemukakan suatu idea atau bahan renungan kehidupan.

Mengapa begitu? Seorang manusia jika dilatih dan disemai minat melukis (atau menulis) sejak kecil, dan ia memang jadi berminat dan mempraktikkannya, tiada sebab dia gagal.

Satu dogma dan kejahilan besar masyarakat ialah mitos bakat. Masyarakat dikelabui istilah puaka ini. Dogma bakat yang kemudian menjadi mitos ini, menjadikan masyarakat buta menilai sesuatu. Masyarakat melihat seniman, khususnya sasterawan, sebagai makhluk ajaib, berbakat, dan memiliki keistimewaan tersendiri. Kerana itu, tidak hairan jika kita mendengar ungkapan sebegini: biasalah, orang seni, dia mesti lain. Dan tidak hairan juga jika masyarakat boleh memaafkan seniman berpakaian tak senonoh, cakap merepek macam mabuk ganja, bertingkah laku aneh dan melakukan perkara luar norma masyarakat.

Dalam sastera ada poetic liciene, dalam dunia realiti masyarakat ada lesen besar penulis. Betulkah semua perkara ini? Wajarkah penulis bertingkah laku devian atau seperti pesakit mental? Set pemikiran sebegini, bagi saya, harus dibakulsampahkan.

Mesej tulisan ini: sastera Malaysia hanya lebih banyak dibumbui fikiran pencandu bahasa, dan sarat manusia berkemahiran mengolah bahasa dan cerita semata, mereka tiada buah fikiran bernas, teratur, dan jelas.

Satu misalan lagi: ramai kelompok sasterawan menyanjungi Shit, walhal

novel tersebut lahir dari kemahiran mengolah dan menulis semata. Novel itu hanya memfiksiyankan yang sudah ditulis pengarang buku politik dan sangkaan politikus pembangkang semata. Novel itu tiada fikiran, selain mengaburkan kenyataan dalam bentuk simbol, metafora, simili, hiperbola dan sebagainya. Jelas di sini, kemahiran sebegini harus dipandang lekeh, seperti kemahiran pembuat patung zaman Nabi Ibrahim (AS). Tiada jiwa dalam karya tersebut, sebagaimana tiada kuasa dalam patung. Bandingkan pemikiran dalam novel ini misalnya dengan gagasan dalam Dilema Melayu karangan Dr. Mahathir Mohammad.

Sepatutnya, sebagaimana kemahiran menulis boleh dibentuk, kemahiran berfikir secara logik, rasional, semasa, dan praktikal juga boleh dibentuk dan dipupuk. Sayangnya, alam sastera kita seperti belantara bahasa, dan masyarakat jadi sesat di dalamnya.

Pedulikan manusia genius satu dalam sejuta, kita sepatutnya memikirkan soal mengolah pemikiran dalam karya sastera. Dan kemahiran berfikir itu juga, boleh dibentuk, sebagaimana kemahiran menukang kayu, mengolah bahasa atau melukis gambar.

Dan akhirnya, yang perlu dibuang ialah sikap dogma atau taklid buta terhadap apa yang sepatutnya kita perjuangkan.

(END)